

Headline	TNB jejak 2,254 belum daftar rebat RM40		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	10 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	4,701	Readership	14,103
Section	News	Page No	27
ArticleSize	150 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,209		



TNB jejak 2,254 belum daftar rebat RM40

Ipoh: Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perak menjelaki 2,254 keluarga di negeri ini yang masih belum mendafatar akaun elektrik mereka bagi menikmati rebat RM40 yang diperuntukkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri, Abdul Yunus Jamhari berkata, mereka yang layak diminta tampil bagi memudahkan urusan dan memanfaatkan rebat berkenaan.

"Pihak Pejabat Daerah dan Tanah di setiap daerah

dengan kerjasama TNB masih berusaha mengesan ke- luarga ini yang tidak mempunyai akaun didaftarkan di atas nama mereka.

"Ja membabitkan 298 ke- luarga di Perak Tengah, diikuti Larut, Matang dan Se- lama (259) selain Manjung 221 ke- luarga.

"Kaunter khas di semua dae- rah juga akan dibuka bagi memudahkan urusan ini," ka- tanya pada si-

dang media di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Besar TNB Perak, Datuk Raja Abd Jalil Raja Zaid.

Abdul Yunus berkata, pe- nerima layak menerima re- bat itu dikenal pasti menerusi daftar eKasi- sih yang dikeluar- kan Kementerian Tenaga, Sains, Tek- nologi, Alam Seki- tar dan Perubahan Iklim.

Katanya, penerima hanya perlu ke pe-

jabat TNB berhampiran dan membawa kad pengenalan serta bil elektrik untuk se- makan.

"Selain itu, boleh meng- hubungi TNB untuk proses semakan dan pendaftaran melalui careline TNB di talian 1-300-88-5454," katanya yang memberitahu keseluruhan 4,494 penerima eKasih Perak layak me- nerima rebat itu.

Katanya, daripada jumlah itu, 2,240 keluarga atau 49.8 peratus sudah menerima manfaat berkenaan bermula 1 Januari lalu.



ABDUL Yunus